

Norlida, Wong juara merentas kampus

SERDANG (23 Julai) - Siswi program Bachelor Pendidikan dari Kolej Keenam Norlida Ismail dan siswa Program Bachelor Sains Perhutanan, Wong Cheng Fun dari Kolej Ketigabelas berjaya menjuarai kejohanan merentas kampus 2005 dalam kategori masing-masing.

Norlida mencatat masa 12.15 minit bagi jarak 5.3 kilometer manakala Cheng Fun mencatat masa 22.57 minit bagi jarak 7.5 kilometer. Acara ini diadakan sebagai acara pembukaan Kejohanan Sukan Kolej UPM Sesi Akademik 2005/2006.

Juara keseluruhan kategori wanita dan lelaki diungguli Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah (KOSASS) dengan memenangi hadiah wang tunai RM1500.00.

Naib Johan, Kolej Tun Dr. Ismail menerima RM1000.00 dan tempat ketiga dengan wang tunai RM500.00 dimenangi Kolej Canselor.

Kesemua hadiah disampaikan Ketua Bahagian Hal Ehwal Mahasiswa UPM, Mustafa bin Ibrahim.

Kejohanan Sukan Kolej UPM Sesi

Akademik 2005/2006 dirasmikan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Prof. Madya Dr. Azali bin Mohamed, di hadapan Astaka Seni.

Menurutnya Dr. Azali, mahasiswa UPM perlu lebih kerap melakukan aktiviti riadah di samping aktiviti harian agar badan menjadi lebih sihat dan minda lebih cerdas dalam menelaah pelajaran. Secara tidak langsung ini akan menghasilkan keputusan yang lebih baik dalam akademik.

Penyelaras acara, Mohamad Nizam Nazarudin berkata, hampir 3,000 orang peserta terutamanya mahasiswa baharu mengambil bahagian dalam acara kejohanan merentas kampus kali ini.

"Kesemua 14 kolej di UPM Serdang telah mengambil bahagian bagi semua kategori. Sambutan hangat diberikan bermula di perkarangan Astaka Seni yang sesak sejak dari awal pagi dengan pakaian kolej masing-masing diiringi dengan penyokong yang membawa sepanduk dan bendera kolej sebagai pembakar semangat," katanya lagi.